

KEBUDAYAAN ISLAM

KEBUDAYAAN ISLAM IALAH TERAS KEBUDAYAAN MELAYU

Isi syarahan saudara Abdullah Basmeh, di Radio
Malaya Singapura, yang telah disiarkan pada 10 Februari
yang lalu dalam halaman “Kebudayaan Melayu” – P-Q.

[Oleh Abdullah Basmeh]

Kebudayaan Islam ialah teras kebudayaan Melayu.
Ini memang suatu kenyataan yang sentiasa terserlah di hadapan
kita pada tiap-tiap saat dan ketika, terang benderang laksana
matahari.

Setengah orang kelihatan berbangga-bangga ketika dia
menceritakan hasil kebudayaan peninggalan zaman jahiliyah
dan zaman Hindu Buddha dahulu, atau hasil peradaban
Barat sekarang, walaupun ada di antara yang dimegahkan itu
bertentang dengan agama Islam yang dianutinya. Tetapi kalau dia
menceritakan sesuatu yang berasal dari Islam,
kelihatan berkerut mukanya dan berkata:

“Ini bukan hak kita, ini dari Arab!”

Orang yang demikian halnya, sebenarnya dia masih belum
mengetahui apa itu kebudayaan.

Kalau ditanya, paling tinggi dia akan segera
menghitung beberapa jenis cabang dan ranting kebudayaan
seperti seni lagu, seni tari, seni lukis, seni

pahat, dan barangkali akan berasa bangga kalau dia
dapat memahat atau menempa sebuah patung, katakanlah patung
penganjur. Sedang pada hakikatnya dengan itu ia telah
mendirikan berhala. Berhala yang telah diranapkan oleh
Rasulullah (SAW) sebanyak 360 buah ketika negeri
Mekah jatuh ke tangan Islam dahulu.

Inikah kebudayaan?

Ini ialah kulitnya!

Mana isinya? Mana terasnya?

Menurut istilah ahli-ahli kebudayaan, bahawa kebudayaan
itu terbahagi dua: kebudayaan batin dan kebudayaan
zahir.

Kebudayaan batin itu, orang Barat menamakannya
“*culture*”, orang Arab pula menamakannya “*thaqāfah*” dan
orang Melayu menamakannya “peradaban” iaitu meliputi
akhlaq, pendidikan, ilmu pengetahuan, falsafah,



“Inikah kebudayaan? Mana isinya? Mana terasnya?”

Demikian penulis rencana ini bertanya.

...

kesusasteraan dan sebagainya. Misalnya: ilmu pengetahuan Islam yang telah menjadi asas tamadun dunia hari ini ialah hasil peradaban Islam.

Adapun kebudayaan zahir itu pula, orang Barat menamakannya “*civilization*”, atau “tamadun” menurut sebutan Arab, begitu juga “tamadun” menurut sebutan Melayu. Iaitu meliputi hasil usaha tangan manusia, dan masjid Sultan Abu Bakar Johor di Tanah Melayu ialah hasil tamadun Islam.

Menurut huraian tuan “Adi Negoro” bahawa erti kebudayaan atau peradaban ataupun *culture* itu ialah:

1. Membersihkan jiwa manusia dengan pendidikan dan pengajaran dalam hal kebatinan, budi pekerti dan kesenian.
2. Hasil dari penyempurnaan itu yang terbukti pada kelakuan manusia dan dalam cara dia hidup.
3. Hasil dari usaha manusia yang telah mempunyai kemajuan itu.

Dengan huraian ini fahamlah kita bahawa erti kebudayaan ialah membersihkan jiwa dengan pendidikan batin dan penyempurnaan pendidikan itu yang terbukti pada tingkah laku manusia dan cara hidupnya serta hasil kemajuan dan tamadunnya.

Atas ketiga-tiga dasar ini makin bertambah jelas bahawa kebudayaan Islam ialah teras kebudayaan Melayu.

Betapa tidak?

Satu dunia sudah mengetahui, bahawa bangsa Melayu di Semenanjung Tanah Melayu, seratus peratus beragama Islam. Ini ialah suatu hakikat yang sesungguhnya indah riwayatnya dan dapat dibanggakan dalam sejarah perkembangan Islam, suatu hakikat yang memang jarang didapati dengan demikian cemerlangnya seantero dunia.

Apakah jenis didikan batin pembersih jiwa yang telah dipakai oleh bangsa Melayu semenjak mereka memeluk Islam hingga sekarang dan seterusnya? Jawabnya sudah tentu ialah didikan Islam!

Alhamdulillah *‘alā ni‘mat al-Islām*. Memang Islam sesuatu nikmat besar yang tidak ternilai harganya, yang menuntun kita sentiasa mengucap syukur kepada Allah ‘azza wa Jalla atas nikmat yang besar ini, atas nikmat yang kita pada hari ini menjadi umat Muhammad *Sallā Allāh ‘alayhi wa sallam*.

*

Dengan berkembangnya Islam di bumi Melayu maka berkembanglah kebudayaannya meliputi segenap segi kehidupan Melayu.

Meliputi bahasanya, tulisannya, persuratan atau kesusasteraannya, cara berfikirnya, adat istiadatnya, pergaulannya, nikah kahwinnya dan kenduri kendaranya. Pendeknya meliputi hidup dan matinya.

Hakikat yang terang benderang ini, rupanya ada jua yang cuba menyangkalnya.

Seorang dua dari sahabat-sahabat saya mengatakan saya silap tentang ini, kerana – kata mereka – kebudayaan

Hindu masih mempengaruhi kebudayaan Melayu.

Sebenarnya saya tidak menafikan wujudnya pengaruh Hindu dalam kebudayaan Melayu, tetapi jangan lupa bahawa kubu pengaruh kebudayaan Hindu telah ditembusi oleh pengaruh Islam dalam segi mana sahaja.

Pengaruh Islam telah menembusi kubu pengaruh Hindu bukan sahaja yang sedang wujud dalam kebudayaan Melayu bahkan telah menembusinya di tanah air Hindu – di benua India sendiri.

Hakikat ini telah diakui oleh pemerintah India dalam siarannya baharu-baharu ini tatkala menyambut hari jadi republiknya.

Antara lain siaran itu berkata:

“Jika hendak dikaji tamadun Islam satu persatu dari zaman Islam berkuasa hingga India mencapai kemerdekaannya, sudah tentu takda siapa pun boleh membuatnya. Seni bangunan, ukiran, bunyi-bunyian, lukisan, pertukangan tangan, pakaian kebangsaan dan pakaian dalam kehidupan hari-hari, cara permainan luar dan dalam yang sekarang dijadikan hak kebangsaan dalam republik India hari ini, semuanya berasal dari Islam!”*

Demikian bunyi siaran rasmi pemerintah India. Ini ialah pengakuan sebuah negara Hindu berkenaan pengaruh kebudayaan Islam. Bagaimana pula pengakuan sebuah negara Islam atau suatu umat Islam yang hidup dan matinya kerana Islam? Sudah tentu lebih-lebih lagi mengambil kira dan menggirangkan hati.

*

Kebudayaan silam ialah benteng yang kebal dari sebarang rempuhan yang merosakkan.

Kenanglah semangat Islam di Aceh, walaupun Belanda telah

□□□□

* “Utusan Melayu” (26 Januari 1956). Lebih lanjut baca buku “Mengenalkan India” yang diterbitkan oleh Jabatan Maklumat India di Singapura baharu-baharu ini.

menjajah Indonesia selama tiga ratus tahun lebih, tetapi Belanda tidak dapat menembusi Aceh melainkan pada kira-kira 50 tahun yang akhir-akhir ini. Setelah Belanda berkali-kali ditewaskan dan ditimpakan kerugian nyawa dan harta benda yang tidak terhitung.

Demikian juga halnya di Semenanjung Tanah Melayu, jika tidaklah kerana semangat Islam dan didikannya yang menjadi teras kebudayaan Melayu, nescaya hancurlah kebudayaan bangsa Melayu setelah diperkosa oleh tiga penjajah Barat silih berganti, sebagaimana hancurnya kebudayaan penduduk pulau-pulau Luzon dan Mindanao yang juga berdarah Melayu, sehingga bertukar dan bersalin kulit lalu menjadi bangsa Filipino dan negerinya menjadi Filipina. Dengan hidupnya nama “Filipino” maka hiduplah pula nama *King* “Philip” raja Sepanyol yang telah menjajah dan mengkristiankan kira-kira 90 peratus penduduk pulau-pulau tersebut.

Mengapa sesuatu bangsa itu boleh hancur dan bertukar namanya seperti yang terjadi kepada penduduk pulau-pulau Luzon dan Mindanao?

Jawabnya, kerana kebudayaannya tidak mempunyai teras, tidak mempunyai asas yang kukuh.

Sebaliknya bangsa Melayu yang berteraskan kebudayaan Islam telah dapat bertahan dengan gagahnya menahan rempuhan peradaban Kristian yang telah dilancarkan oleh tiga penjajah bertunda-tunda sepanjang masa 450 tahun semenjak Melaka jatuh hinggalah zaman kemerdekaan yang kita sedang berada di dalamnya ini.

Sidang pembaca yang dihormati:

Inilah Islam dan inilah kebudayaannya.